



SEBAHAGIAN kakitangan UMSKAL yang menghadiri program santapan rohani sempena Ramadan di Bangunan Menara UMS Labuan, kelmarin.

Tazkirah Ramadan dihadiri staf UMSKAL

UB 10-7-13 B3

BAHAGIAN Hal Ehwal Islam dan Masjid (BHEIM), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mengadakan tazkirah Ramadan, kelmarin.

Santapan Rohani itu disampaikan oleh Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) Labuan, Ustaz Mohd Ghaus Musa di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 11, Bangunan Menara UMSKAL.

Ghaus berkata, Jawi Labuan akan mengadakan pemantauan di restoran bagi memastikan tiada umat Islam yang makan pada waktu siang pada Ramadan.

Turut hadir Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Rushdan Yaso dan Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Junaidi Kefli.

Program yang bermula pukul 9.30 pagi itu dihadiri pensyarah, pegawai dan kakitangan bertujuan untuk menaikkan semangat warga universiti sebelum menghadapi bulan puasa yang bermula hari ini.



USTAZ MOHD GHaus

Sementara itu, Junaidi berkata pelbagai aktiviti diadakan di sepanjang Ramadan tahun ini termasuk ziarah Ramadan ke Hospital Nukleus Labuan dan Pusat Dalam Komuniti (PDK).

Turut diadakan tadarrus al-Quran selepas Zohor di Tingkat 8 yang akan disampaikan Rushdan dan majlis berbuka puasa bersama kanak-kanak

istimewa.

"BHEIM juga akan membuka kaunter membayar zakat, mengedar risalah puasa dan agihan kurma," katanya.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, mengucapkan selamat berpuasa kepada semua warga universiti yang beragama Islam.